

Integriti elemen penting jadi pemimpin

Wanita mahu menjadi pemimpin perlu memiliki integriti kerana ia adalah asas kepada prinsip kepemimpinan

Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris, berkata kepemimpinan adalah kemahiran boleh dipelajari kerana ia membabitkan manusia atau pekerja sebagai sumber.

Katanya, komunikasi berkesan adalah aspek paling utama perlu diketengahkan dalam diri pemimpin.

“Kita jangan memberi arahan kepada pekerja sebaliknya buat sesuatu tugas itu bersama-sama.

“Beri kepercayaan dan yakin dengan kemampuan dan kekuatan dimiliki setiap pekerja,” katanya pada Sidang Kemuncak Antarabangsa Kepimpinan Wanita dalam Kejuruteraan (WIE) bertajuk Memperkasa Kepimpinan Wanita, di Hotel Berjaya, di sini, semalam.

Wanita usia panjang

Kata Prof Dr Aini, dalam skop kerja pemimpin perlu berurusan dengan pekerja, selain kerap memberikan arahan mereka juga perlu menjadi pendengar yang baik.

“Pemimpin yang cemerlang perlu memiliki pelbagai kemahiran diri yang baik kerana itu tunjang kepada kejayaan dalam sesebuah organisasi.

“Isu kepemimpinan wanita adalah masalah global memandangkan peratusan wanita memasuki institusi pengajian tinggi adalah sekitar 60 peratus hingga 70 peratus.

“Wanita dilaporkan memiliki usia lebih panjang berbanding lelaki dan kelebihan itu seharusnya dimanfaatkan dengan bekerja.

“Jika dibandingkan di negara lain seperti Bangladesh, hampir semua wanita bekerja walaupun bidang diceburi bukan bidang profesional,” katanya.

Perkara itu memberikan kelebihan kepada wanita tampil lebih tangkas dalam menguruskan jadual harian mereka termasuk waktu kerja.



Pemimpin yang cemerlang perlu memiliki pelbagai

kemahiran diri yang baik kerana itu tunjang kepada kejayaan dalam sesebuah organisasi”

Aini Ideris,
Naib Canselor UPM

B4 17/9 ms 32